

**Najib tunggu cadangan Bajet dari orang ramai**  
**Free Malaysia Today**  
**Sept 6, 2016**

**Cadangan bernas boleh dikemukakan mulai semalam hingga 19 Sept di laman khas yang disediakan.**

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengajak rakyat untuk bersama menyumbang cadangan dalam penyediaan bajet 2017.

Beliau berkata mereka boleh berbuat demikian mulai semalam hingga 19 Sept di laman khas yang disediakan.

“Anda ada cadangan bernas dan ingin menyumbang kpd #Bajet2017? Sebarkan mulai 5-19 Sept, idea boleh dikemukakan di <https://bajet2017.najibrazak.com>,” katanya dalam catatan di laman Twitter.

Idea yang disumbangkan setakat ini merangkumi topik seperti kos sara hidup, perkhidmatan penjagaan kesihatan, perumahan dan kehidupan bandar, pengangkutan dan infrastruktur, pembangunan ekonomi dan pendidikan.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/09/06/najib-tunggu-cadangan-bajet-dari-orang-ramai/>